

Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia

Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar
Nor Hashimah Jalaluddin

ABSTRAK

Komponen penulisan karangan adalah salah satu komponen penting dalam pembelajaran bahasa Melayu dan diuji dalam Kertas I Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kertas kerja ini akan membentangkan dapatan kajian mengenai penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan memfokus pada pengungkapan idea dalam penulisan karangan. Secara khususnya kertas kerja ini melihat penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan mereka. Ungkapan menarik yang dimaksudkan ialah penggunaan peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik maksud, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain. Kajian dijalankan di lima kawasan iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak dan melibatkan lima belas buah sekolah (tiga sekolah di setiap kawasan). Dapatan umum kajian mendapati pencapaian para pelajar ini secara majoritinya adalah di tahap sederhana dan lebih dari 20% dianggap lemah. Di samping itu pencapaian pelajar dari luar bandar didapati lebih baik dari pelajar bandar. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar ini yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua masih di tahap tidak memuaskan kerana tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Dengan yang demikian, usaha perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar untuk menguasai bahasa Melayu kerana bahasa adalah salah satu jambatan bagi mengikat hubungan yang baik antara pelbagai kaum di Malaysia.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa Melayu, penulisan karangan, bahasa kedua, ungkapan menarik, pencapaian pelajar

ABSTRACT

The writing component is of the most important components in learning the Malay language and it is tested in Bahasa Melayu Paper 1 of the Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) exam. This paper will present the findings from a research

on the writings of secondary school students in Malaysia who are learning Malay as a second language by focusing on the phrasing of ideas in their essays. Specifically, this paper will look at the usage of interesting phrases in their writings. Interesting phrases is defined as using proverbs, pantun, slogan, quotation of speeches, wisdom words, quotation from hadiths (the sayings of Prophet Mohamad s.a.w), vocabulary of poetic words, translated meanings taken from Al-Quran and etc. the research was conducted in five areas namely; Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah and Sarawak. The findings of the research show that for majority of the students, their performance is at intermediate level and more than 20% of the students are as weak. In addition, it is also discovered that the performance of students from rural areas are better than their counterpart in urban areas. It is therefore, can be concluded that majority of the students who are learning Malay as second language are at the unsatisfactory level as they are still unable to use the language convincingly. As such, more efforts have to be put in the endeavours to improve the students' performance of Malay language because language is the bridge that links the harmonious relation between various races in Malaysia.

Key words: Malay language learning, essay writing, second language, interesting phrases, students' achievements

Pendahuluan

Di dalam sistem pendidikan di Malaysia subjek bahasa Melayu adalah subjek wajib bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Sebagai subjek wajib, banyak usaha telah dijalankan untuk memastikan pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Sama seperti pembelajaran bahasa-bahasa lain, bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran yang memerlukan pelajar menguasai kemahiran tertentu, terutamanya kemahiran membaca, bertutur, menulis dan seterusnya menguasai kecekapan menaakul, menghurai, merumus, mentafsir. Bagi pelajar yang memperolehi bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, mereka mungkin tidak berkecenderungan menghadapi kesukaran dalam menguasai subjek bahasa Melayu. Hal ini kerana sebagai bahasa pertama, penguasaannya berlaku dengan cara 'memperoleh' dan bukannya melalui proses pembelajaran di dalam kelas. Situasi ini berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua kerana bahasa selalunya dipelajari secara formal di dalam kelas dan hanya berkembang melalui latihan dan pengukuhan. Oleh itu, dorongan yang kuat dan sikap yang baik adalah perlu untuk menguasai bahasa kedua.

Pembelajaran Bahasa Kedua

Pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur natif iaitu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memerlukan perhatian yang lebih teliti. Oleh yang demikian, pelajar perlu melalui rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti yang tersusun dengan kaedah-kaedah tertentu.

Bagi pelajar yang mempelajari subjek bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, mereka memerlukan latihan dan pengulangan sehingga membentuk satu tabiat. Ini dijelaskan oleh Rivers W.M (1964) yang menyatakan pembelajaran bahasa asing pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat. Oleh itu, cara penguasaannya adalah sama dengan proses pembentukan tabiat yang lain seperti belajar menaip, berenang, memandu, dan lain-lain. Proses pembelajaran menetapkan jika sekali berjaya dilakukan dengan baik maka ia akan dapat diulangkan untuk seterusnya secara automatik. Jika proses penguasaan di peringkat awal seorang kanak-kanak, berkemungkinan besar dia akan melalui proses-proses yang sama dengan proses penguasaan bahasa pertama, sementara proses penguasaan bahasa kedua selepas peringkat awal kanak-kanak akan melalui tahap dan cara yang agak berbeza dengan proses pemerolehan pengetahuan bahasa pertama.

Dalam penguasaan bahasa, individu yang mahir bercakap dalam sesuatu bahasa itu, tidak semestinya mahir dalam penulisan bahasa tersebut. Ini adalah kerana kemahiran menulis perlu dipelajari, bukan sahaja bentuk atau corak yang berbeza, malah gaya bahasa dan penyampaiannya juga agak berbeza. Keadaan yang sama juga didapati dalam pembelajaran bahasa kedua. Kesukaran juga kadangkala berlipat ganda dalam mempelajari bahasa kedua terutama dalam kemahiran menulis. Penulisan di dalam bahasa kedua kadangkala mendatangkan masalah apabila pelajar berfikir dalam bahasa pertama dan seterusnya menterjemahkannya ideanya ke dalam bahasa kedua. Ini akan memanjangkan masalah tersebut kerana gaya retorik kedua-dua bahasa yang berbeza berkemungkinan menghasilkan penulisan yang tidak mematuhi retorik bahasa kedua. Connor (1996) melaporkan ramai pelajar asing mengalami masalah yang sama apabila mereka mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Situasi yang sama juga dihadapi oleh pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi pelajar Melayu, mereka mungkin tidak menghadapi masalah menguasai sistem bahasa Melayu seperti bunyi, perkataan, pengimbuhan, makna, dan penggunaannya

kerana bahasa Melayu digunakan dalam komunikasi harian. Namun begitu, dalam situasi pembelajaran yang formal rumus dan peraturan bahasa Melayu perlu dipelajari. Hal ini berbeza dengan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, yang mana pembelajarannya mesti didahulukan dengan aktiviti lisan. Ini bermakna aktiviti pengajaran harus bermula daripada kemahiran mendengar, kemudian bertutur dan seterusnya kepada membaca dan menulis.

Kemahiran Penulisan Bahasa Melayu

Dalam kemahiran menulis, persyaratan atau peraturan-peraturannya lebih bersifat standard dan formal berbanding dengan bahasa lisan (Abdul Aziz Abdul Talib, 1991). Untuk menghasilkan penulisan yang efektif, penguasaan sistem bahasa sangatlah dipentingkan, kerana lazimnya bahasa tulisan perlu lebih teratur daripada bahasa lisan. Jadi, pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, seharusnya menguasai bahasa lisan terlebih dahulu, sebelum menguasai aspek penulisan. Dalam penulisan, pembaca tidak dapat melihat bahasa badan kita seperti dalam bahasa lisan, tetapi sebaliknya memfokuskan sepenuhnya terhadap pernyataan maklumat dan mesej yang lengkap dan menggunakan bahasa yang teratur.

Bagi meningkatkan kemahiran menulis, pelajar tidak perlu bergantung sepenuhnya terhadap pembelajaran bahasa di dalam kelas, tetapi boleh meningkatkan kemahiran menulis melalui pembacaan. Sekiranya seseorang pelajar ingin menjadi seorang penulis yang baik, maka mereka perlu banyak membaca berbagai bentuk penulisan seperti buku teks, novel, cerpen, akhbar, majalah dan lain-lain bahan bacaan. Dengan ini, bukan sahaja menambahkan pengetahuan kepada pelajar tersebut, malah mereka boleh memperbaiki gaya bahasa dalam penulisan karangan. Melalui pembacaan, pelajar boleh mengambil kosa kata dan ungkapan yang menarik yang ditemui dan seterusnya menerapkannya di dalam karangan mereka. Penggunaan kata-kata bombastik di samping ungkapan yang menarik, mampu menimbulkan nilai keindahan dalam sesuatu karangan tersebut.

Pengimplementasian kalimat yang berseni dalam karangan akan mewujudkan satu gaya bahasa yang indah dan seterusnya menjadikan sesuatu penulisan itu lebih efektif. Antara ungkapan menarik yang boleh digunakan dalam penulisan ialah peribahasa. Peribahasa boleh digunakan dalam apa jua bentuk penulisan karangan. Peribahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan dalam masyarakat Melayu

tradisional. Dengan penuh kesantunan dan kesopanan, orang Melayu akan menyampaikan pandangan mereka secara berkias iaitu dengan berperibahasa (Azizul Rahman & Mohamad Saleh, 2009). Tujuannya adalah untuk menjaga hati dan kedudukan terhadap orang yang ditegur. Dalam dunia penulisan pula, menyelitkan peribahasa dalam sesebuah karangan bukanlah bertujuan menegur seseorang atau sesuatu pihak, tetapi digunakan bagi tujuan menggambarkan sesuatu keadaan, sama ada digunakan untuk memuji, menggambarkan sifat manusia atau menyampaikan pesanan (Azizul Rahman & Mohamad Saleh, 2009). Di samping itu, dalam menghasilkan sebuah karangan yang bermutu, pelajar bukan sahaja perlu memberikan perhatian mereka terhadap penyampaian isi dan penguasaan tatabahasa, tetapi mereka juga perlu mementingkan soal pemilihan leksikal dalam karangan mereka (Awang Sariyan, 2004). Hal ini kerana, pengulangan sesuatu leksikal yang sama dalam sesuatu penulisan boleh menjejaskan kualiti penulisan tersebut serta melahirkan rasa bosan terhadap pembaca.

Tugasan Penulisan

Bagi meneliti keupayaan penulisan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, satu tugasan penulisan telah diberikan kepada beberapa kumpulan pelajar. Jenis penulisan yang diberikan ialah penulisan berasaskan rangsangan. Penulisan berasaskan rangsangan terkandung dalam bahagian A dalam Kertas I Bahasa Melayu dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Mengikut sukatan pelajaran bahasa Melayu, terdapat tujuh jenis bahan rangsangan untuk penulisan berasaskan rangsangan iaitu gambar, gambar rajah, ilustrasi kartun, pelan, iklan, petikan dan catatan. Untuk kajian ini, bahan rangsangan yang kami gunakan ialah gambar yang terdiri empat gambar bersiri yang memaparkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan pada masa lapang. Berdasarkan gambar-gambar yang diberi, pelajar dikehendaki menghuraikan tentang aktiviti-aktiviti berfaedah untuk mengisi masa lapang.

Aktiviti penulisan berasaskan rangsangan ini bertujuan untuk menguji pemahaman para pelajar terhadap bahan rangsangan berkenaan secara keseluruhan dan menguji kecekapan mereka membuat tafsiran berasaskan rangsangan tersebut. Di samping itu, penelitian juga dibuat pada analisis pelajar terhadap bahan rangsangan tersebut dan akhir sekali menguji pengetahuan pelajar tentang isu semasa. Jika diteliti tujuan aktiviti penulisan berasaskan rangsangan ini, ada usaha

untuk mempelbagaikan kemahiran yang ditekankan. Ini selari dengan pandangan semasa yang melihat literasi merentasi kemahiran membaca dan menulis apabila pelajar dikehendaki mengaitkan rangsangan yang diberikan dengan isu semasa (Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakat & Nor Hashimah Jalaluddin 2009; Kern 2000).

Seterusnya, kesemua esei telah diperiksa dengan teliti oleh guru-guru yang berpengalaman memeriksa kertas peperiksaan SPM. Pemeriksaan esei tersebut adalah berdasarkan skema pemarkahan SPM yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut skema pemarkahan bagi karangan berasaskan rangsangan, karangan yang baik mesti mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu memenuhi dan menepati kehendak soalan, mempunyai isi-isi penting yang cukup, idea yang relevan dan tersusun, menggunakan bahasa yang gramatis dan bervariasi, kosa kata yang luas dan tepat, menggunakan ejaan dan tanda baca yang betul, dan menggunakan wacana yang lengkap dan ungkapan yang menarik. Penulisan pelajar-pelajar telah dinilai dan dibahagikan kepada beberapa bahagian berpandukan skema pemarkahan yang telah ditetapkan bagi memahami kaitan tahap pencapaian penulisan pelajar dengan kesalahan yang dibuat.

Untuk melihat pencapaian pelajar secara am, penilaian penulisan telah dinilai mengikut penilaian yang dibuat bersandarkan skema penilaian di peringkat SPM; Cemerlang (26-30 markah), Kepujian (20-25 markah), Memuaskan (15-19 markah), Kurang Memuaskan (10-14 markah) dan Pencapaian Minimum (01-09 markah). Walaubagaimanapun, bagi tujuan analisis, markah penulisan ini telah dirombak ke tiga tahap; iaitu Cemerlang (20 – 30), Sederhana (15- 19) dan Lemah (1-14), bagi memudahkan penganalisan dan perbincangan.

Di samping itu, para pelajar juga telah diberikan satu set soal-selidik yang mengandungi soalan-soalan mengenai persepsi mereka terhadap bahasa Melayu, strategi pembelajaran yang mereka gunakan untuk mempelajari bahasa Melayu dan juga soalan yang bertanyakan pendirian dan pemahaman mereka terhadap komponen sastera dalam pembelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan memfokuskan pada maklumat mengenai pencapaian mereka dalam penulisan dan penulis akan cuba mengaitkannya dengan persepsi pelajar terhadap bahasa Melayu.

Responden Kajian

Kajian ini melibatkan 1,600 pelajar tingkatan empat di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak mengikut zon, iaitu zon tengah (Seremban,

Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan), zon utara (Kedah), Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, hanya 1,523 set soal selidik yang diterima dan pecahannya adalah seperti berikut:

JADUAL 1 Pecahan Suku Kaum

Suku Kaum	Bilangan Pelajar & Peratusan
Melayu	877 (57.6%)
Cina	154 (10.1%)
Iban	66 (4.3%)
India	54 (3.5%)
Kadazan	30 (2.0%)
Lain-lain	342 (22.5%)

Oleh kerana fokus kertas kerja ini adalah dari segi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, maka tumpuan perbincangan seterusnya adalah mengenai pencapaian para pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan. Walaupun dalam kategori lain-lain terdapat pelajar dari perbagai suku kaum lain tetapi ianya terlalu rencam dan representasi bagi satu-satu suku kaum amat kecil, jadi kami berpendapat untuk memfokus pada empat suku kaum bukan Melayu yang utama ini iaitu Cina, India, Iban dan Kadazan.

Pemaparan Data

Bahagian pemaparan data ini akan dibahagikan kepada dua sub-bahagian iaitu pencapaian penulisan dan pesepsi pelajar terhadap bahasa Melayu.

Pencapaian penulisan

Para pelajar dikehendaki menulis karangan sepanjang 250 patah perkataan dalam masa 45 minit. Penulisan karangan adalah berasaskan rangsangan dan rangsangan yang diberikan ialah satu set yang mengandungi 4 keping gambar mengenai aktiviti yang boleh dilakukan dalam masa lapang. Hasil penulisan para pelajar dinilai dari tujuh aspek iaitu struktur ayat dalam esei, penggunaan dialek dalam esei, kesalahan ejaan dalam esei, penggunaan ungkapan menarik dalam esei, kerelevanan, kematangan dan kejelasan idea dalam esei. Namun begitu kertas kerja ini hanya akan memfokus pada penggunaan ungkapan menarik dan kerelevanan,

kematangan dan kejelasan idea dalam esei. Paparan pencapaian secara keseluruhan bagi pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan adalah seperti di bawah:

JADUAL 2 Pencapaian keseluruhan dalam penulisan

Kaum	Cemerlang	Sederhana	Lemah	Jumlah
Cina	28	92	13	133
India	8	32	10	50
Iban	6	55	4	65
Kadazan	8	18	3	29

Secara keseluruhannya, pencapaian majoriti pelajar bukan Melayu dalam penulisan adalah di dalam kategori sederhana. Dalam keempat-empat suku kaum yang difokuskan, didapati lebih dari 60% pelajar dari semua kategori kaum mempunyai keupayaan yang sederhana dalam kemahiran penulisan. Menurut guru yang memeriksa karangan pelajar, antara sebab tahap pencapaian yang sederhana ialah majoriti dari bilangan pelajar tidak memaparkan penulisan yang baik kerana tiada penggunaan ungkapan menarik dan tidak menunjukkan kematangan idea dalam penulisan.

Penggunaan Ungkapan Menarik

Penulisan yang baik ialah penulisan yang bervariasi dengan menonjolkan penggunaan ungkapan-ungkapan yang menarik. Penggunaan ungkapan menarik bermaksud penggunaan peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik maksud, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain. Berikut adalah paparan maklumat mengenai penggunaan ungkapan menarik para pelajar:

JADUAL 3 Ungkapan menarik dalam esei mengikut kaum

	Suku/kaum				Jumlah
	Cina	India	Iban	Kadazan	
Ungkapan menarik					
Ada	36	13	2	7	58
Tiada	98	37	64	22	221

Jadual 3 merupakan perbezaan penggunaan ungkapan menarik mengikut kaum. Hasil yang didapati menunjukkan seramai 36 pelajar Cina menggunakan ungkapan menarik dalam penulisan mereka. Jumlah ini diikuti oleh pelajar India seramai 13 orang, pelajar Kadazan seramai 7 orang dan pelajar Iban seramai 2 orang.

Antara ungkapan menarik yang sering digunakan oleh para pelajar ialah cogan kata “badan sihat otak cerdas”, perumpamaan “masa itu emas”. Kedua-dua contoh ini sering digunakan oleh pelajar Cina dan India. Manakala bagi pelajar Kadazan dan Iban pula, mereka lebih cenderung menggunakan peribahasa seperti “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”, “melentur buluh biar dari rebungunya”. Kecenderungan penggunaan ungkapan menarik yang berbeza mungkin ada kaitan dengan persekitaran. Pelajar Cina dan India dalam kajian ini majoritinya adalah dari kawasan bandar dan aktiviti bersukan adalah sesuatu yang biasa bagi mereka. Oleh itu cogan kata “badan sihat otak cerdas” adalah mudah dikaitkan. Perumpamaan “masa itu emas” juga boleh dikaitkan dengan persekitaran para pelajar ini. Corak gaya hidup di bandar yang deras dan mengandungi pelbagai aktiviti mengingatkan pelajar pada realiti kehidupan yang cergas untuk menyelesaikan berbagai tugas.

Kerelevanan, Kematangan dan Kejelasan Idea dalam Esei

Kerelevanan idea merujuk pada idea yang disampaikan bertepatan dengan tema bahan rangsangan. Dalam konteks ini tugas yang diberikan ialah pelajar perlu menghuraikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan dalam masa lapang berdasarkan gambar-gambar yang diberikan. Oleh itu pelajar perlu menghuraikan aktiviti berkelah, berkhemah, berriadah dan membaca sebagai aktiviti masa lapang.

Dari segi kejelasan idea pula ia merujuk pada penghuraian yang dilakukan dengan jelas dan teliti dan mudah difahami. Manakala kematangan idea pula bertujuan menguji pemahaman para pelajar terhadap bahan rangsangan yang diberi secara keseluruhan. Di samping itu, ia juga bertujuan menguji keupayaan pelajar membuat tafsiran dan analisis dari bahan rangsangan tersebut dan akhir sekali menguji pengetahuan pelajar tentang isu semasa. Berikut adalah paparan data berkenaan ketiga-tiga aspek tersebut:

JADUAL 4 Kerelevanan idea dalam esei mengikut kaum

Kaum	Tidak	Ya	Jumlah
Cina	57	77	134
India	25	25	50
Iban	29	37	66
Kadazan	2	27	29

Berdasarkan jadual 4 di atas, dapat dilihat bahawa secara umumnya majoriti pelajar dari empat kaum (Cina, India, Iban dan Kadazan) yang difokuskan berjaya menghasilkan esei yang relevan dengan topik yang diberikan. Para pelajar berjaya menghuraikan aktiviti-aktiviti yang dipaparkan iaitu berkelah, berkhemah, beriadah dan membaca dengan baik. Ini boleh dijangkakan kerana aktiviti yang dipaparkan bukanlah sesuatu yang di luar kebiasaan aktiviti mereka. Aktiviti-aktiviti sedemikian adalah sesuatu yang sering mereka lakukan semasa masa lapang.

JADUAL 5 Kejelasan idea dalam esei mengikut kaum

Kaum	Tidak	Ya	Jumlah
Cina	98	36	134
India	41	9	50
Iban	37	29	66
Kadazan	6	23	29

Kejelasan idea bermaksud pelajar mampu menjelaskan idea dengan jelas dan teliti serta mudah difahami. Pencapaian pelajar kaum Iban dan Kadazan adalah lebih baik berbanding para pelajar Cina dan India. Pelajar Cina dan India dalam kajian ini adalah pelajar sekolah menengah kebangsaan dan kebanyakannya adalah dari kawasan bandar dan mereka banyak menggunakan bahasa natif (bahasa Cina atau Tamil) dan bahasa Inggeris dalam berkomunikasi. Ini mungkin juga mempengaruhi kemampuan mereka untuk menyampaikan idea dengan teliti dan jelas dalam karangan.

Sementara itu, bagi pelajar Iban dan Kadazan yang memaparkan prestasi yang agak baik dari segi kejelasan idea mungkin boleh dikaitkan dengan pemilihan bahasa mereka dalam komunikasi harian. Mohammed

Azlan Mis (2010) berdasarkan kajiannya menyatakan bahawa bagi masyarakat Iban di Sarawak, mereka memilih bahasa Melayu Sarawak untuk berkomunikasi dalam situasi formal dan bahasa Iban dalam situasi formal. Oleh yang demikian, pendedahan kaum Iban pada bahasa Melayu Sarawak dalam situasi formal sedikit sebanyak telah membantu pelajar Iban dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka.

JADUAL 6 Kematangan idea dalam esei mengikut kaum

Kaum	Tidak	Ya	Jumlah
Cina	125	9	134
India	48	2	50
Iban	66	0	66
Kadazan	22	7	29

Dalam aspek kematangan idea pula, didapati majoriti pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan tidak berupaya menyampaikan idea dalam penulisan mereka secara matang. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kematangan idea dalam esei diukur melalui kecekapan pelajar membuat tafsiran berasaskan rangsangan dan juga mengaitkan dengan bahan semasa dan ini adalah satu keupayaan yang sukar dicapai. Keupayaan mengaitkan bahan rangsangan dengan bahan semasa adalah satu keupayaan mencabar dan salah satu cara mencapainya ialah dengan pembacaan yang meluas. Walau bagaimanapun, scenario pembacaan dalam kalangan pelajar di Malaysia tidak begitu memberangsangkan. Menurut satu laporan akhbar, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Dr. Wee Ka Siong mengatakan bahawa para pelajar Malaysia kurang membaca dan bagi mereka yang membaca, mereka lebih cenderung memilih bahan bacaan yang ringan seperti majalah, komik dan suratkhbar (Suhana Md. Yusop, 2010). Kurang pembacaan dan pemilihan bahan bacaan yang ringan ini juga menyumbang kepada ketidakupayaan pelajar untuk menghasilkan penulisan yang matang.

Pesepsi Pelajar Terhadap Bahasa Melayu

Seterusnya pula pencapaian pelajar yang agak sederhana bagi keempat-empat kaum mungkin boleh dikaitkan dengan pesepsi mereka terhadap bahasa Melayu. Antara soalan-soalan yang berkaitan dengan pesepsi yang

diberikan kepada para pelajar ialah yang berkaitan dengan kepentingan penguasaan bahasa Melayu untuk mendapatkan pekerjaan, adakah bahasa Melayu bahasa yang dapat menyatupadukan semua kaum dan adakah bahasa Melayu melambangkan atau boleh dijadikan jati diri bangsa Malaysia. Berikut adalah paparan maklumat mengenai soalan-soalan tersebut:

JADUAL 7 Penguasaan BM penting untuk mendapatkan pekerjaan

Kaum	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah
Cina	23	41	90	154
India	6	8	40	54
Iban	0	5	61	66
Kadazan	2	8	20	30

Ketika ditanya mengenai kepentingan bahasa Melayu untuk mendapatkan pekerjaan hampir semua pelajar dari semua kaum menyatakan mengakui kepentingan bahasa Melayu. Walaupun hakikatnya di Malaysia, penguasaan bahasa Melayu hanya diberikan keutamaan pada pekerjaan dalam badan kerajaan pelajar masih menyatakan kepentingan bahasa Melayu untuk mendapatkan pekerjaan. Tahap kepekaan terhadap kepentingan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar ini amat tinggi.

Soalan seterusnya ialah berkenaan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa yang menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. paparan maklumatnya adalah seperti berikut:

JADUAL 8 BM adalah bahasa yang dapat menyatukan semua kaum

Kaum	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah
Cina	31	45	78	154
India	5	15	34	54
Iban	2	8	56	66
Kadazan	3	3	24	30

Apabila para pelajar ditanya pendapat mereka mengenai kepentingan bahasa Melayu untuk menyatupadukan kesemua kaum di Malaysia lebih dari 50% pelajar dari keempat-empat kaum sedar

akan kepentingannya. Ini menunjukkan tahap kesedaran mereka mengenai kepentingan peranan bahasa Melayu untuk menyatupadukan pelbagai kaum di negara ini amat tinggi.

Soalan terakhir berkaitan persepsi pelajar terhadap bahasa Melayu ialah soalan yang berkaitan jati diri bangsa Malaysia. paparan maklumatnya adalah seperti berikut:

JADUAL 9 BM mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia

Kaum	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Jumlah
Cina	19	51	84	154
India	8	8	38	54
Iban	2	8	56	66
Kadazan	0	3	27	30

Di peringkat yang lebih kompleks dan umum pula iaitu mengenai peranan bahasa Melayu dalam menentukan jati diri bangsa Malaysia, para pelajar ini (yang juga para remaja) sedar akan keperluan bahasa Melayu untuk menentukan jati diri bangsa Malaysia. Oleh itu, kepentingan bahasa Melayu itu tidak dinafikan. Jelas sekali di sini bahawa persepsi para pelajar terhadap bahasa Melayu amat positif dan boleh diandaikan menyokong cogan kata “bahasa jiwa bangsa”. Namun begitu pencapaian mereka yang sederhana dalam penguasaan bahasa Melayu (penulisan) tidak selari dengan persepsi yang tinggi terhadap bahasa Melayu.

Rumusan

Kertas kerja ini telah membentangkan dapatan kajian mengenai keupayaan para pelajar bukan Melayu, khususnya keupayaan para pelajar Cina, India, Iban dan Kadazan dalam menguasai bahasa Melayu dengan memfokus pada kemahiran menulis. Secara umumnya keupayaan para pelajar ini adalah di tahap sederhana. Walaupun persepsi para pelajar ini terhadap kepentingan dan keupayaan bahasa Melayu adalah amat positif tetapi ianya tidak selari dengan realiti iaitu pencapaian atau kemahiran mereka dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, usaha perlu dipertingkatkan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka untuk mencapai kesejahteraan masyarakat kerana bahasa adalah salah satu jambatan untuk mengikat hubungan yang baik antara pelbagai kaum di Malaysia. Ini kerana apabila kemahiran bahasa Melayu mereka

meningkat ia akan meluaskan penggunaannya di antara kaum dan dengan ini akan mengikat hubungan yang baik antara kaum.

Rujukan

- Abdul Aziz Abdul Talib. 1991. Kemahiran Bercakap dan Kemahiran Menulis. *Pelita Bahasa Mei* (5), hlm: 12-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2004. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizul Rahman & Mohamad Saleeh. 2009. *Bunga-bunga Bahasa untuk Penulisan*. Johor
- Connor, U. 1996. *Contrastive Rhetoric: Cross-cultural Aspects of Second-language Writing*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kern, R. 2000. *Literacy and Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Krashen, S. 1986. *Second Language Aquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Mohammed Azlan Mis. 2010. *Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa*. *GEMA Online™ Journal of language Studies* Vol. 10(2) 2010. Hlm: 97-116.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Mustaffa Omar. 2009. *Bahasa Melayu dan Remaja Malaysia: analisis Sosiokognitif*. Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik '09 (SKALi09)*.
- Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. 2009. *Penggunaan Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar-pelajar Luar Bandar dan Bandar di Serawak: Satu Perbandingan*. Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Linguistik '09 (SKALi09)*.
- Rivers W.M. 1964. *The psychologist and the foreign-language teacher*. Chicago: University of Chicago Press.
- Suhana Md. Yusop. 2010. *Pelajar Malaysia kurang membaca buku*. *Kosmo*, 5 Jun 2010.
- Zamri Mahamod. 2007. *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Zulkifly Hamid. 2006. *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.